

Penginstitusian Majlis Fatwa Kebangsaan dan Kaifiat Pengeluaran Hukum: Suatu Tinjauan Umum

Mahyudin Daud¹
Ahmad Najib Abdullah²

Abstrak

Kombinasi peranan yang dimainkan oleh Raja-Raja Melayu dan para ulama adalah asas kepada penginstitusian Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia. Usaha tersebut pada awalnya bertujuan menangani ketidakseragaman hukum yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah negeri-negeri serta percanggahan fatwa di antara fatwa negeri-negeri Melayu. Kaifiat pengeluaran hukum pada peringkat awal penginstitusian tidak digariskan secara bertulis memandangkan kepercayaan yang tinggi terhadap keahlian dan keupayaan ahli jawatankuasanya. Akan tetapi, keahlian tersebut dilihat semakin berkurangan yang memerlukan kepada suatu garis panduan secara bertulis sebagai rujukan kepada ahli jawatankuasa dan penyelidik yang dilantik dalam penyelidikan sesuatu masalah Islam semasa. Artikel ini ditulis bertujuan menjelaskan tentang kombinasi peranan Raja-Raja Melayu dan para ulama dalam usaha menginstitusikan Majlis Fatwa Kebangsaan dan meninjau garis panduan yang dipakai oleh ahli jawatankuasa serta penyelidik dalam pengeluaran hukum Islam semasa. Kajian ini menggabungkan kajian perpustakaan dan lapangan di mana data-data dikutip melalui sumber-sumber bertulis dan temubual eksklusif dengan beberapa tokoh atau individu yang terlibat secara langsung dengan Majlis Fatwa Kebangsaan. Hasil kajian mendapati bahawa kombinasi mantap antara umara iaitu Raja-Raja Melayu dan ulama berjaya menginstitusikan majlis fatwa peringkat kebangsaan yang menyelesaikan banyak isu berkaitan hukum khususnya berkaitan masalah Islam semasa di negara ini. Sementara itu, kaifiat pengeluaran hukum pula dilihat masih terpelihara menurut mazhab al-Shafi'i yang sedia menjadi anutan di negara ini akan tetapi memerlukan garis panduan bertulis yang jelas sebagai rujukan dalam penyelidikan.

Keyword: Raja-Raja Melayu, Umara dan Ulama, kaifiat pengeluaran fatwa, garis panduan pengeluaran hukum

¹ Pensyarah Kanan, Program Sarjana Muda Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
² Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Nilam Puri.

PENDAHULUAN

Fatwa dari sudut bahasa diambil daripada *afta - yufti - iftaan* yang memberi maksud menjelaskan dan menghuraikan hukum kepada suatu masalah. Dari sudut istilah, fatwa didefinisi oleh para ulama dengan beberapa pengertian iaitu antaranya:

1. Fatwa adalah jawapan mufti pada perkara yang berlaku apabila diajukan soalan kepadanya.
2. Fatwa ialah mengkhabarkan hukum Allah SWT sama ada pada perkara yang mesti (wajib, sunat, haram dan makruh) atau harus.
3. Maksud Fatwa iaitu pendapat atas apa-apa persoalan yang belum diselesaikan atau yang menimbulkan pertikaian mengenai atau berhubung dengan Hukum Syarak.³

Penginstitution fatwa adalah suatu keperluan dalam sebuah negeri atau negara sama ada negeri atau negara Islam mahupun negeri atau negara bukan Islam. Ikhtiar yang besar perlu digerakkan oleh ulama dan organisasi Islam yang berautoriti untuk memastikan fatwa diinstitution secara rasmi dan menyeragamkan pengamalan beragama di sesuatu iklim.

Di Malaysia, usaha penginstitution fatwa peringkat kebangsaan telah bermula pada tahun-tahun 60an melalui beberapa siri mesyuarat Raja-Raja Melayu dan perbincangan dengan beberapa tokoh para ulama. Natiujahnya pada tahun 1970, Majlis Fatwa Kebangsaan ditubuhkan dan mula menjalankan fungsinya secara rasmi. Pada peringkat tersebut, para ulama diberi kepercayaan sepenuhnya mengkaji dan menyelidiki masalah semasa yang berlaku tanpa dibekalkan dengan apa-apa garis panduan tertentu secara bertulis. Ia berlaku menurut pengamalan sedia ada di negara ini iaitu berasaskan pendapat yang muktamad dalam mazhab al-Shafi'i. Begitulah seterusnya sehinggalah wujud keperluan untuk menyediakan garis panduan khusus secara bertulis kepada ahli jawatankuasa atau penyelidik yang dilantik berikutan perlantikan ahli jawatankuasa dari pelbagai latarbelakang dan pengajian.

Artikel ini ditulis untuk menjelaskan kepada umat Islam mengenai peranan besar umara iaitu Raja-Raja Melayu dan ulama dalam penginstitution fatwa di negara ini dan kaifiat pengeluaran hukum yang diamalkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dalam menangani masalah Islam semasa.

PENGINSTITUSIAN MAJLIS FATWA KEBANGSAAN

Majlis Raja-Raja telah mengambil langkah proaktif dengan bersetuju dalam Persidangan Majlis Raja-Raja yang berlangsung pada 1 Julai 1969 untuk menubuhkan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia bagi tujuan menyelaraskan kerja, aktiviti dan pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam di Malaysia. Penubuhan tersebut dilihat perlu ekoran daripada berlakunya ketidakseragaman hukum termasuk hukum yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah negeri-negeri serta percanggahan fatwa di antara fatwa negeri-negeri Melayu. Dengan penubuhan badan penylaras di peringkat persekutuan tersebut, suatu pendekatan terbaik dapat digarap untuk sekurang-kurangnya mengelakkan daripada berlakunya ketidakseragaman yang ketara dalam pengeluaran hukum atau fatwa di Negeri-negeri Melayu. Negeri-negeri yang menganggotai Majlis ini

³ Definisi fatwa menurut Peruntukan Mengenai Fatwa Dalam Undang-Undang Di Dalam Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505], peruntukan mengenai fatwa dijelaskan di bawah Seksyen 34.

ialah Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Terengganu, Kelantan, Sabah dan Sarawak.⁴

Peraturan Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia membuat peruntukan berkaitan tugas Majlis tersebut sebagaimana dinaskan bahawa:

“Peraturan 7: Tugas-tugas Majlis ialah:

1. Membincangkan, menimbangkan dan menguruskan apa-apa perkara yang dirujuk kepada Majlis oleh Majlis Raja-Raja, mana-mana Kerajaan Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri atau seorang ahli Majlis, dengan tujuan hendak memberi nasihat atau pengesyoran,
2. Memberi nasihat kepada Majlis Raja-raja, Kerajaan Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri atas apa-apa perkara berkenaan dengan perundangan atau pentadbiran Agama Islam dan pelajaran Agama Islam, dengan tujuan hendak memperbaiki, menyamakan atau menggalakkan persamaan undang-undang atau pentadbiran.”⁵

Sebelum itu, kerajaan-kerajaan negeri, melalui badan perundangan masing-masing berkuasa menggubal undang-undang Islam dan menubuhkan organisasi pentadbiran dan pelaksanaan undang-undang berkenaan. Perihal tersebut adalah merujuk kepada peruntukan Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang telah menetapkan bahawa undang-undang Islam adalah urusan negeri-negeri sejajar dengan kedudukan agama Islam di bawah kuasa raja-raja bagi negeri-negeri sebagaimana berikut “Dalam tiap-tiap negeri melainkan negeri-negeri yang tidak mempunyai raja, kedudukan raja adalah sebagai ketua agama Islam dalam negerinya. Secara dan setakat mana yang diakui oleh perlembagaan negeri itu”.⁶

Secara umumnya, peruntukan berkenaan yang memberi kuasa kepada negeri-negeri dalam hal-hal agama dan undang-undang Islam adalah positif dan amat wajar kerana perkaitannya dengan manusia, situasi, tempat dan masa yang memungkinkan berlakunya perubahan hukum yang perlu ditetapkan. Ulama dan qadi yang berada di sesuatu tempat lebih layak mengeluarkan fatwa atau hukum berbanding dengan ulama dari tempat yang lain atas alasan kefahamannya dengan *waqi*’ sebagaimana dibincangkan dalam disiplin fatwa dan *qada*’.

Sementara itu dari sudut yang lain, ketidakseragaman tersebut dilihat boleh mengelirukan umat Islam di Malaysia yang secara umumnya berpegang kepada mazhab Imam al-Shāfi’ī. Seolah-olah berlakunya perpecahan kesatuan umat Islam di negara ini dalam hal-hal keagamaan dan undang-undang Islam. Dengan wujudnya mufti bagi setiap negeri dan jawatankuasa syariah yang tersendiri, maka berbagai-bagai fatwa yang berbeza mungkin dikeluarkan. Begitu juga dengan undang-undang dan peraturan, mahkamah dan sebagainya.

Dalam persidangan yang bersejarah itu bersetuju untuk melantik seorang pengerusi dan seorang setiausaha untuk mengendalikan Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia. Di atas persetujuan ahli majlis, Tengku Abdul Rahman Putra al-Haj yang merupakan Perdana Menteri Malaysia ketika itu telah dilantik sebagai pengerusi dan Dato’ Haji Ismail bin Panjang Aris pula sebagai setiausaha.⁷

⁴ Laman sesawang e-fatwa Portal Rasmi Fatwa Malaysia, dikemaskini 29 Februari 2016, dicapai pada 23 Disember 2015, <http://www.e-fatwa.gov.my>.

⁵ Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (1980M), Peraturan 7.

⁶ Perlembagaan Persekutuan (1088M), Jadual Kesembilaan senarai 2 Kuala Lumpur

⁷ Jabatan Perdana Menteri, Buku Tahunan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, (Kuala Lumpur. Jabatan Percetakan Negara, 1971 M), I

Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan adalah suatu badan yang dibentuk di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam di mana jawatankuasa ini ditubuhkan pada awal tahun 1970 sebagaimana diperuntukan pada Perkara 11 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI). Jawatankuasa ini merupakan badan pengeluar fatwa di peringkat Kebangsaan atas apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja. Sementara MKI yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri merupakan badan penyelaras di peringkat Persekutuan yang ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja pada Mac 1968.

Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan telah bersidang buat pertama kalinya pada 23 hingga 24 Jun 1970 yang dikenali dengan Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan tersebut berlangsung sebanyak 18 kali dan yang terakhir diadakan pada 14 Mei 1980. Kemudiannya penggunaan perkataan Persidangan ditukar kepada perkataan Muzakarah. Maka pada tarikh 28 hingga 29 Jun 1981 diadakan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Kali Pertama.

Tugas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan mengikut pada Perkara 14 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia adalah menimbang, memutus dan mengeluarkan fatwa atas apa-apa perkara berkenaan dengan agama Islam yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja. Jawatankuasa ini akan mengemukakan pendapat-pendapatnya kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang kemudian menghantarkannya bersama dengan pengesyoran-pengesyoran kepada Majlis Raja-Raja.

Semasa penubuhan Majlis Kebangsaan tersebut, telah diperuntukkan dalam buku Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, hendaklah ditubuhkan sebuah Jawatankuasa Fatwa. Peruntukan tersebut terdapat dalam perkara 11(a) menyatakan ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia terdiri daripada:⁸

1. Seorang pengerusi yang dilantik oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia (MKI) di kalangan ahlinya;
2. Mufti tiap-tiap negeri yang mengambil bahagian atau seorang yang mewakili Negeri dalam Hal Ehwal Agama Islam;
3. Sembilan orang alim ulama dan kalangan profesional serta pakar-pakar muslim yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja; dan
4. Seorang ahli yang beragama Islam dari Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang atau dari profession undang-undang yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja.

Dalam perkara 11(a) juga memperuntukkan sekiranya seseorang ahli yang terkandung dalam (i) tiada dapat hadir dalam mesyuarat Jawatankuasa, wakilnya perlu menghadiri mesyuarat tersebut. Wakil itu berhak mengambil bahagian dalam perbincangan Jawatankuasa dan mengundi bagi sesuatu perkara yang hendak diputuskan. Walaubagaimanapun, ahli-ahli dalam (i) dan (iv) tidak berhak mengundi.

Selain Pengerusi dan mufti-mufti yang menganggotai Jawatankuasa Fatwa, jawatankuasa ini juga turut dianggotai oleh beberapa orang yang telah diperakukan oleh Perdana Menteri bagi tempoh yang tidak melebihi daripada tiga tahun dan mereka juga boleh mendapat lantikan semula andai masih diperlukan. Manakala bagi ahli yang mendapat lantikan melalui Majlis Raja-raja hanya boleh menjadi anggota Jawatankuasa

⁸ Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (1980M), Peraturan II (a)

Fatwa bagi tempoh masa yang diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja, bahkan jawatannya sebagai ahli jawatankuasa juga boleh dilepaskan pada bila-bila masa.

Anggota Jawatankuasa Fatwa bagi tempoh masa yang diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja Malaysia pada sesi 2003 ini berdasarkan kepada senarai yang diperolehi melalui Sekretariat Majlis Fatwa Kebangsaan dipengerusikan oleh Dato' Dr. Ismail bin Haji Ibrahim, bekas Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia. Bagi alim ulamak yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-raja setakat ini hanya ada empat orang sahaja, mereka ialah:

1. Dato' Syeikh Ghazali bin Abdul Rahman (Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia).
 2. Prof Dato' Dr. Abdullah bin Muhammad Zin (Kolej Universiti Islam Malaysia)
 3. Prof Madya Dr. Abdul Hayei bin Abdul Sukor (Universiti Malaya)
 4. Dato' Haji Wan Zahidi bin Wan Teh (Kolej Islam Darul Redzuan)
- Setiausaha bagi Jawatankuasa ini ialah Dato' Haji Mohd Shahir bin Abdullah yang merupakan bekas Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia sendiri.

Keterangan mengenai prosidur pemilihan Jawatankuasa Fatwa di atas berpandukan kepada peruntukan dalam perkara 13 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia iaitu “Tiap-tiap ahli melainkan pengerusi dan mufti-mufti hendaklah dilantik daripada tokoh-tokoh yang diperakui oleh Perdana Menteri, selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun, tetapi ia adalah layak untuk dilantik semula. Ia hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja tetapi boleh meletak jawatannya”.⁹

AL-IJTIHAD AL-JAMA'I DAN PERLANTIKAN MUFTI

Pada dasarnya, individu yang layak menangani masalah semasa adalah mujtahid. Mufti, faqih atau pengkaji dalam masalah semasa juga mestilah mempunyai syarat-syarat ijthad bagi membolehkan mereka meneliti dan menghukumkan sesuatu masalah. Walau bagaimanapun, kelayakan tersebut dilihat semakin berkurangan khususnya di zaman moden ini. Oleh itu, al-Ijtihād al-Jamā'ī dilihat berperanan besar dalam mengisi kekurangan dan menutup kelemahan yang terdapat kepada seseorang mufti atau pengkaji masalah semasa. Ini kerana keputusan yang diambil oleh sekumpulan ulama sudah tentu lebih baik dan selamat berbanding yang hanya diputuskan oleh seorang mufti sahaja. Sekurang-kurangnya sekiranya tidak berlaku ijthad secara maksimum sebagaimana definisi ijthad iaitu mengerahkan setiap upaya yang ada pada seorang mufti atau mujtahid untuk mendapatkan hukum Allah SWT dalam satu-satu masalah, berlakunya fatwa secara *jamā'ī* iaitu fatwa yang dikeluarkan oleh seorang individu atau beberapa individu yang kemudiannya dipersetujui oleh ahli jawatankuasa yang lain. Berbicara mengenai al-Ijtihād al-Jamā'ī, Pengerusi JFK menyebut bahawa:

“Jadi bila kita takde sampai situ, tak berani maka kita rasa yang lebih selamatnya Ijtihad Jamaei lah dan Ijtihad Jamaei ini adalah konsepnya kita kaitkan dengan syura sekaligus isu-isu itu kita bincang secara jamaei dan juga pendapatnya secara jamaei dan kalau jamaei ni macam kita katakan tadi kita ada berapa situ pakar dalam bidang apa jadi semuanya terkumpul

⁹ Peraturan Majlis Kebangsaan 134 Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, *Ibid.* Peraturan I 3.

di situ. Bagi saya, kedudukan yang paling baik sekarang ni ialah kita menggunakan Ijtihād Jamā'ī. Kalau tidak, kita dipertikaikan.”¹⁰

Satu lagi masalah yang tidak dapat dielakkan dalam perlantikan seseorang mufti di Negeri-Negeri Melayu ialah pengaruh politik. Tidak bermakna seorang mufti yang dilantik itu adalah individu yang paling alim dan berkelayakan di sesebuah negeri. Bahkan barangkali masih ada yang lebih alim dan berkelayakan tetapi tidak mendapat tempat dalam kalangan pemimpin negeri atau tidak mendapat perkenan daripada pihak istana. Akibatnya, mufti dilantik dalam kalangan individu yang dianggap alim, berkelayakan dan sebulu dengan pemimpin dan istana sedangkan dalam masa yang sama tidak mendapat tempat di hati masyarakat Islam dan menjejaskan dari aspek keakuratan dan kepatuhan terhadap fatwa-fatwa yang dikeluarkan. Dalam hal ini, salah seorang Felo Fatwa JAKIM ada menyatakan bahawa:

“Tapi mungkin juga disebabkan sistem, sebab sistem pemilihan mufti kita ni kadang-kadang sultan kan (isu politik). Jadi kita tak dapat nak mengambil “*the best*” dalam negeri tu contohnya. Calon-calonnya ada dari kalangan pensyarah yang hebat tapi disebabkan ada faktor-faktor lain yang mempengaruhi, kadang-kadang kita tak dapat ambil yang terbaik la walaupun benda tu, yelah boleh diimprove dari masa ke semasa kan, tapi kadang-kadang sistem yang macam tu, dia akan menyebabkan berterusan masalah itu kan.”¹¹

Kewujudan JFK dengan menggalas tanggungjawab al-Ijtihād al-Jamā'ī adalah tepat dalam mengimbangi kekurangan yang dimaksudkan sebagaimana di atas.

PANEL KAJIAN SYARIAH (PKS)

JFK dibantu oleh Panel Kajian Syariah (PKS)¹² yang diurusetikan oleh Seksyen Syariah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, JAKIM. Panel ini bertujuan membincangkan isu-isu semasa berkaitan hukum yang timbul dalam masyarakat dan negara meliputi aspek syariah, muamalat, sains perubatan, *siyāsah syar'iyah*, kemasyarakatan, kekeluargaan dan jenayah. Keputusan PKS adalah sebagai *irshād* hukum dan tidak dianggap sebagai fatwa.

Panel Kajian Syariah, Bahagian Hal Ehwal Ugama Islam (BAHEIS) Jabatan Perdana Menteri telah ditubuhkan pada 7 Mac 1991 melalui keputusan Mesyuarat Mingguan Bersama YB. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Sehubungan itu, kertas makluman penubuhan PKS telah dibentangkan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-29 pada 19 Februari 1992 menerusi kertas 5/29/92. Muzakarah sebulat suara bersetuju dengan penubuhan Panel Kajian Syariah setelah meneliti kertas kerja berkenaan dan berasaskan kepada perkara-perkara seperti yang berikut:

¹⁰ Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Bin Haji Husin (Pengerusi Lembaga Pengarah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) merangkap Pengerusi JFK) dalam temubual dengan penulis, 23 Januari 2015.

¹¹ Dr. Farid Sharhan, (Felo Fatwa Jakim) dalam temubual dengan penulis, 18 Disember 2014.

¹² Laman sesawang e-fatwa Portal Rasmi Fatwa Malaysia, “Panel Kajian Syariah”, dikemaskini 5 Mac 2015, dicapai 23 Disember 2014, <http://www.e-fatwa.gov.my>

1. Keputusan yang diputuskan oleh Panel Kajian Syariah tidak menyentuh keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia.
2. Keputusan perbincangan dalam Panel Kajian Syariah hendaklah dimaklumkan kepada Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam atau dimaklumkan kepada mufti-mufti.

Objektif penubuhan PKS ialah:

1. Mendapatkan pandangan pakar-pakar syariah bagi memantapkan hujah-hujah dan pendalilan bagi kertas kajian hukum semasa yang disediakan oleh penyelidik syariah;
2. Membincangkan hukum hakam mengenai isu-isu semasa yang timbul dalam masyarakat dan negara;
3. Mendapatkan maklum balas atau respon dengan segera bagi isu-isu semasa yang timbul dalam negara untuk dikemukakan kepada pihak yang berkenaan
4. Memudahkan proses penyediaan kertas kajian hukum yang bersifat nasional untuk dikemukakan kepada Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJFK) bagi mendapatkan keputusan fatwa mengenainya.

BAHAGIAN PENGURUSAN FATWA¹³

Mesyuarat Pre-Council Majlis Raja-Raja pada 1 Julai 2008 dan Mesyuarat Majlis Raja-Raja Kali Ke-214 telah bersetuju supaya fungsi Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia diperkukuhkan dari aspek pengstrukturannya. Sehubungan itu Mesyuarat Pasca-Kabinet Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 17 September 2008 telah bersetuju supaya urusetia kepada Jawatankuasa Fatwa MKI dinaik taraf dan diasingkan menjadi satu bahagian baru di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Pada 2 Januari 2009, JAKIM telah menubuhkan secara pentadbiran Bahagian Pengurusan Fatwa dan Pembangunan Ijtihad. Pada 15 Jun 2009 JAKIM telah memperolehi waran perjawatan Cadangan Penjenamaan Semula JAKIM Fasa 1 berkuatkuasa 1 Jun 2009 dengan rasminya wujudnya bahagian baru tersebut dengan nama Bahagian Pengurusan Fatwa.

Bahagian Pengurusan Fatwa ditubuhkan bagi memperkukuhkan perannya sebagai urusetia kepada Jawatankuasa Fatwa MKI yang telah ditubuhkan pada awal tahun 1970 di bawah Perkara 11 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI). Jawatankuasa Fatwa MKI merupakan badan pengeluar dan penyelaras fatwa di peringkat kebangsaan.

Visi Bahagian Pengurusan Fatwa ialah berazam menjadi pusat rujukan fatwa yang berwibawa dan berintegriti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Misi yang disasarkan ialah memartabatkan fatwa di Malaysia melalui pengurusan, penyelarasan dan penyelidikan.

Manakala objektif yang diletakkan ialah:

1. Untuk menjadi badan pengeluar dan penyelaras fatwa di peringkat kebangsaan:

¹³ Laman sesawang e-Fatwa Portal Rasmi Fatwa Malaysia, "Bahagian Pengurusan Fatwa", dikemaskini 25 Februari 2016, dicapai 20 Oktober 2015, <http://www.e-fatwa.gov.my/bahagian-pengurusan-fatwa>.

2. Untuk menjadi badan/institusi penyelaras pengurusan hal ehwal kefatwaan di Malaysia;
3. Untuk mewujudkan kerjasama strategik dan perkongsian pintar dalam hal ehwal kefatwaan dengan institusi fatwa dan institusi lain yang berkaitan dalam dan luar negara;
4. Untuk memberikan kesedaran dan pendidikan fatwa kepada masyarakat;
5. Untuk menjadi Pusat Rujukan Fatwa yang berautoriti dan berwibawa.

Bahagian ini juga menjadi urusetia kepada jawatankuasa-jawatankuasa berikut:

1. Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia; Panel Pemikir Fatwa.
2. Jawatankuasa Penyelidikan dan Pengurusan Fatwa.
3. Persidangan Mufti-Mufti Seluruh Malaysia
4. Jawatankuasa Penetapan Awal Puasa Dan Hari Raya;
5. Jawatankuasa Penyelarasan Waktu Imsak Dan Berbuka Puasa Negeri-Negeri Seluruh Malaysia;
6. Jawatankuasa Penyelarasan Pengurusan dan Pembangunan Fatwa.

Selain menjalankan tugas pengurusan fatwa dan mengurus setiakan persidangan fatwa di peringkat kebangsaan, Bahagian Pengurusan Fatwa perlu menjalankan tugas-tugas tertentu menurut arahan daripada pihak JAKIM seperti menghantar pegawai ke parlimen ketika sidang sedang berlangsung bagi menyediakan jawapan kepada menteri atau ahli-ahli yang berhormat berkenaan isu agama yang telah difatwakan di peringkat kebangsaan. Demikian juga dengan Persidangan Agung Umno di mana pegawai bahagian pengurusan fatwa diminta bersedia untuk menyediakan jawapan bersabit dengan hukum yang telah diputuskan oleh JFK. Walau bagaimanapun soalan-soalan yang ditimbulkan tidak dapat dijangka atau tidak pernah difatwakan sebelum ini atau tidak perlu kepada fatwa kerana sudah sedia termaklum dalam agama. Sebagai contoh, ada perwakilan yang membangkitkan isu jihad dan meminta pihak JAKIM menjelaskan semula isu tersebut sedangkan isu itu telah diketahui secara umum dalam agama dan tidak memerlukan kepada fatwa yang khusus. Hal-hal yang seumpama ini sedikit menyulitkan pegawai yang dihantar kerana mereka bersifat pengurus fatwa bukan individu yang boleh secara langsung mengeluarkan fatwa.¹⁴

Dapatlah disimpulkan bahawa gandingan kukuh antara umara yang memiliki kuasa pemutus dan ulama yang memiliki ilmu pengetahuan akan menghasilkan natijah yang berkesan seperti yang boleh disaksikan dalam penginstitutionian fatwa di negara ini.

KAIFIAT PENGELUARAN HUKUM

Garis panduan dalam pengeluaran fatwa adalah sesuatu makenisma penting yang harus diberi keutamaan. Setiap fatwa yang telah melalui garis panduan yang ditetapkan akan dapat dipastikan ketulenannya dan dalam masa yang sama, fatwa yang telah diputuskan akan dapat diterima oleh masyarakat tanpa ada rasa wasangka dan raga-ragu.

¹⁴ Encik Oslan Affandi Bin Abdullah (Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pengurusan Fatwa, Cawangan Pembangunan Hukum Dan Majlis Fatwa, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), dalam temubual dengan penulis, 28 November 2014.

Setiap kali terdapat aduan mengenai sesuatu kes, kajian akan dilakukan dalam beberapa sudut seperti adat, suasana, kesihatan dan sebagainya. Setelah mengenal pasti kategorinya, masalah akan dibawa kepada bahagian penyelidikan untuk dianalisa. Hasil analisa yang telah siap dilakukan akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Fatwa untuk ditimbang dan dihalusi. Mereka akan membuat rujukan masing-masing terlebih dahulu sebelum muzakarah diadakan, dan biasanya notis muzakarah akan dikeluarkan sebulan sebelumnya.

Pada dasarnya perbincangan kes akan cuba sedaya upaya untuk bersandarkan kepada empat sumber utama iaitu nas-nas al-Quran, al-Sunnah, ijmak dan kias. Sekiranya keempat-empat sumber itu masih gagal untuk dijadikan sandaran hukum, maka ahli fatwa akan berpindah kepada sandaran hukum syarak yang lain iaitu masalah untuk pengsabitan hukum.

Setelah ahli muzakarah mengemukakan pandangan masing-masing dan dibincangkan, keputusan akan dibuat secara sebulat suara, akan tetapi andainya tidak mendapat kata sepakat, maka pengundian akan dijalankan berdasarkan dua pertiga ahli, seperti peruntukan yang tertera dalam perkara 12 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.

Hasil dari perbincangan ahli Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan barulah dikemukakan kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia dan akan dipersembahkan kepada Majlis Raja-Raja untuk diperkenan, dan akhirnya diumumkan.

Pengeluaran pandangan hukum/fatwa oleh Jawatankuasa adalah melalui dua cara:¹⁵

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa MKI

Proses pengeluaran hukum/fatwa ini bermula apabila Mesyuarat Majlis Raja-Raja menitahkan supaya Jawatankuasa Fatwa MKI memberikan pandangan hukum/fatwa tentang sesuatu isu yang timbul dalam masyarakat. Isu yang dikemukakan akan dikaji, disediakan satu kertas kerja berkaitan dan kemudiannya dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa MKI. Apabila Mesyuarat telah mengeluarkan pandangan hukum/fatwa, maka pandangan hukum/fatwa berkenaan akan dirafa'kan kepada Majlis Raja-Raja melalui Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Pandangan hukum/fatwa yang telah diperkenan oleh Majlis Raja-Raja tersebut akan dibawa kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri tanpa boleh dipinda dan seterusnya diwartakan sebagai fatwa negeri berkenaan. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa MKI ini jarang-jarang berlaku. Semenjak penubuhan entiti ini, baru beberapa kali sahaja berlangsung sidang Mesyuarat JFK.¹⁶

Sepanjang penelitian, fatwa yang pernah dibawa dan dibincang dalam mesyuarat JFK (atas arahan Majlis Raja-Raja) hanya sedikit sahaja, antaranya ialah fatwa mengenai

¹⁵ Laman sesawang e-fatwa Portal Rasmi Fatwa Malaysia, "Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia", dikemaskini 29 Februari 2016, dicapai <http://www.e-fatwa.gov.my/jawatankuasa-fatwa-majlis-kebangsaan-bagi-hal-ehwal-ugama-islam-malaysia>.

¹⁶ Encik Oslan Affandi Bin Abdullah (Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pengurusan Fatwa, Cawangan Pembangunan Hukum Dan Majlis Fatwa, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), dalam temubual dengan penulis 28 November 2014.

Pemakaian Cemara (Wig) Oleh Pegawai Undang-Undang, Masalah Dadah dan Penyelesaiannya dan Isu Mentakfir.¹⁷

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI

Proses pengeluaran hukum/fatwa ini adalah melalui permohonan dari masyarakat Islam atau pihak-pihak tertentu. Isu yang dikemukakan akan dikaji, disediakan satu kertas kerja berkaitan dan kemudiannya dibentangkan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI. Pandangan hukum/fatwa yang diputuskan dalam Muzakarah ini akan dibawa ke Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri dan negeri boleh meminda keputusan tersebut atau menerimanya tanpa pindaan sebagai fatwa negeri dan seterusnya diwartakan. Pandangan hukum/fatwa yang diputuskan dalam Muzakarah ini juga akan dirafa'kan untuk perkenan Majlis Raja-Raja melalui Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.

Pihak-pihak tertentu yang pakar akan dipanggil untuk memberikan pandangan dan penjelasan terhadap isu-isu yang tidak jelas atau memerlukan penjelasan dan taklimat terperinci supaya semua Ahli Jawatankuasa Fatwa MKI mendapat maklumat yang tepat bagi membuat dan memutuskan keputusan.¹⁸

Masalah-masalah seperti misteri kehilangan MH370, terhempasnya MH17, isu berkabung atas kejadian tersebut dan seumpamanya yang menjadi tumpuan umum terus dibawa ke Muzakarah tanpa menunggu titah daripada Mesyuarat Majlis Raja-Raja supaya memberikan pandangan hukum/fatwa tentang isu tersebut.¹⁹

Dari sudut kekerapan, tiada ditetapkan dibuat tentang kekerapan mesyuarat atau muzakarah JFK. Hal ini dimaklumi kerana JFK bergantung sepenuhnya kepada arahan daripada Majlis Raja-Raja mengenai isu atau masalah yang ingin dikeluarkan fatwa. Sementara kekerapan muzakarah JFK pula bergantung kepada persetujuan bersama di antara ahli-ahlinya. Walaupun begitu, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, mesyuarat muzakarah JFK telah ditetapkan dengan kekerapan sebanyak enam (6) kali setahun.²⁰

Kaifiat Penyelidikan Masalah

Dalam proses menyediakan fatwa sama ada yang ditanya oleh orang awam, agensi swasta, agensi kerajaan atau inisiatif sendiri terdapat banyak peringkat yang perlu dilalui. Secara asasnya ialah, sesuatu isu akan diteliti dan dikaji oleh pegawai Bahagian Penyelidikan, sekiranya telah ada fatwa terdahulu berkaitan isu berkenaan, maka ia akan terus dijawab kepada orang yang bertanya. Sekiranya tiada lagi fatwa berkaitan, maka satu kertas kajian

¹⁷ Dato' Haji Mustafa bin Abdul Rahman, "Manhaj Fatwa Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan", (Prosiding Seminar Manhaj Pengeluaran Fatwa Peringkat Kebangsaan Anjuran Institute Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) Dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAWIP), 5&6 Disember 2006), 5.

¹⁸ *Ibid.*, Laman sesawang e-fatwa Portal Rasmi Fatwa Malaysia, "Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia", dikemaskini 29 Februari 2016, dicapai <http://www.e-fatwa.gov.my/jawatankuasa-fatwa-majlis-kebangsaan-bagi-hal-ehwal-ugama-islam-malaysia>.

¹⁹ Sahibis Samahah Dr. Zulkifli Muhammad al-Bakri (Mufti Wilayah persekutuan) dalam temubual dengan penulis 26 November 2014.

²⁰ Dato' Haji Mustafa bin Abdul Rahman, "Manhaj Fatwa Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan", (Prosiding Seminar Manhaj Pengeluaran Fatwa Peringkat Kebangsaan Anjuran Institute Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) Dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAWIP), 5&6 Disember 2006), 5.

akan disediakan oleh Bahagian Penyelidikan dan kemudiannya dibentangkan dalam mesyuarat PKS.²¹

Kertas yang dibentang diperingkat PKS ini akan dibincang dan diputuskan hukumnya. Sekiranya ahli berpendapat isu tersebut tidak melibatkan masalah hukum yang rumit, maka ia akan diselesaikan pada peringkat PKS sahaja. Sekiranya ahli berpendapat ia adalah rumit, memerlukan pandangan yang lebih luas dan bersifat umum, maka ia akan dibawa ke muzakarah JFK untuk mendapat keputusan muktamad. Fatwa yang diputuskan dalam muzakarah JFK ini akan dibawa ke Jawatankuasa Fatwa/Perunding Hukum Syarak Negeri-Negeri dan negeri boleh menolak, meminda atau menerima keputusan fatwa tersebut tanpa pindaan.

Dalam proses menyediakan kertas kerja fatwa para pegawai penyelidik biasanya akan membuat rujukan bersumberkan keutamaan seperti berikut iaitu al-Quran, al-Sunnah, ijmak dan kias. Selain sumber seperti di atas, para pegawai juga akan merujuk kepada pendapat-pendapat sahabat, tabiin, imam-imam mazhab dan fuqaha dengan mengadakan penelitian terhadap dalil-dalil dan Wajh al-Istidlālnya.

Pendapat Mazhab Shafie adalah diutamakan untuk sesuatu fatwa, kecuali jika didapati sebab tertentu untuk menggunakan mazhab-mazhab Ahl al-Sunnah wal Jamaah yang lain untuk menemukan pendapat mana yang lebih kuat dalilnya dan lebih membawa masalah bagi umat untuk difatwakan.²²

Apabila masalah yang difatwakan tidak terdapat dalam ketetapan sebagaimana di atas, maka akan dilakukan al-Ijtihād al-Jamā'ī iaitu berasaskan beberapa sumber seperti berikut:

1. Al-Maṣāliḥ al-Mursalah
2. Al-'Urf atau al-'Ādah Muḥkamah
3. Al-Istishāb
4. Sadd al-Zarā'i'
5. Al-Istiḥsān

Sekiranya isu yang ingin difatwakan melibatkan perkara-perkara teknikal seperti astronomi, perubatan, ekonomi, teknologi dan sebagainya, maka kerjasama melalui pakar-pakar berkaitan bidang berkenaan adalah diperlukan. Pada kebiasaannya pakar-pakar akan dijemput memberi penerangan dan taklimat daripada ahli-ahli PKS atau muzakarah JFK agar isu yang menjadi persoalan lebih jelas dan keputusan yang akan dibuat nanti lebih kemas dan jitu. Pada masa ini, amalan memanggil pakar berkaitan telah diterima dalam banyak kes yang dibincang oleh Muzakarah JFK antaranya status kesucian ikan yang diberi makanan tidak halal dan hukum botox.²³

KAEDAH PENULISAN *ṢĪGHAH* FATWA

Acap kali permintaan kepada JFK supaya menggariskan suatu kaedah dalam penulisan *ṣīghah* fatwa yang hendak dikeluarkan. Perbincangan untuk tujuan tersebut juga telah diadakan. Walau bagaimanapun, kata putus mengenainya belum diketahui.²⁴

²¹ *Ibid.*, 7.

²² *Ibid.*, 8-9.

²³ *Ibid.*, 10.

²⁴ Encik Oslan Affandi Bin Abdullah (Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pengurusan Fatwa, Cawangan Pembangunan Hukum Dan Majlis Fatwa, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), dalam temubual dengan penulis 28 November 2014.

Setakat ini, fatwa yang paling baik dari sudut jelas, panjang, lengkap dengan fakta dan ulasan ialah fatwa berkaitan dengan al-Arqam²⁵. *Sighahnya* dianggap jami' dan mani' sehingga tidak mampu dicabar atau dibatalkan di mana-mana mahkamah di negara ini.²⁶

Menurut Dr. Zulkifli al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan, *ṣīghah* yang digunakan oleh JFK dalam teks fatwa sedang melalui proses transformasi di mana satu peralihan sedang diusahakan daripada *ṣīghah* yang hanya mengemukakan keputusan muzakarah sahaja kepada *ṣīghah* yang mengemukakan ulasan dan dalil secara yang memadai.²⁷

Sīghah fatwa yang hendak dikeluarkan kepada umum pada peringkat permulaannya dilakar dan dikemukakan kepada penasihat undang-undang. Selepas penasihat undang-undang bersetuju sama ada tanpa pindaan atau dengan pindaan terhadap *ṣīghah* yang dilakarkan, ia diangkat kepada pihak pengurusan fatwa untuk diwartakan. Teks fatwa tersebut secara umumnya bersifat *jāmi'* dan *māni'* iaitu lengkap dan tidak boleh dikritik. *Sīghahnya* juga pendek dan ringkas.²⁸

Garis Panduan ini merupakan hasil usahasama jabatan-jabatan Mufti Seluruh Malaysia, pasukan kajian dari USIM, pakar-pakar akademik dan guru-guru pondok. Ia juga telah disemak di dalam Bengkel Pemurnian Yang diadakan di Dar al-Ifta, Mesir yang melibatkan 15 orang ulama'. Kemudian di bentangkan di dalam Mesyuarat Penyelarasan Pengurusan Dan Pembangunan Fatwa yang melibatkan Timbalan-timbalan Mufti Seluruh Malaysia sebelum dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah MKI. Sehubungan itu, Garis Panduan ini boleh dijadikan rujukan dan panduan dalam penyediaan kertas hukum atau fatwa oleh semua pihak seperti pegawai Istinbat, ahli akademik, para penyelidik atau para pelajar dengan mengikut metodologi yang dirintis oleh para ulama fiqh Islam selaras dengan akta/enakmen/ordinan undang-undang negeri-negeri di Malaysia.²⁹

AUTORITI FATWA KEBANGSAAN

Isu autoriti fatwa yang dikeluarkan oleh JFK telah berlarutan sekian lama semenjak ia ditubuhkan sehingga ke saat ini. Usaha ke arah menguatkuasakan keputusan-keputusan hukum yang dikeluarkan sebagai undang-undang yang diterimapakai dengan akur di mahkamah sentiasa digerakkan sesuai dengan imej Malaysia sebagai sebuah negara umat Islam dan selari dengan peruntukan perlembagaan yang mengiktiraf agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan.

Sehingga kini, fatwa yang dikeluarkan tidak lebih hanya suatu pemakluman hukum yang bersifat pendirian para Ahli JFK terhadap sesuatu isu. Demikian adalah sebelum diwartakan di peringkat negeri dan mempunyai kuatkuasa undang-undang.

Fatwa kebangsaan tidak mempunyai apa-apa autoriti khususnya dari sudut kuatkuasa undang-undang sehingga boleh dibawa ke mahkamah. Ini bermakna, mahkamah berhak untuk menurut atau tidak menurut fatwa yang dikeluarkan dalam

²⁵ Laman sesawang e-fatwa Portal Rasmi Fatwa Malaysia, "Usaha-usaha Menghidupkan Semula al-Arqam Melalui Syarikat Rufaqa Corporation Sdn Bhd", dikemaskini 29 Februari 2016, dicapai pada 23 Disember 2015, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/usaha-usaha-menghidupkan-semula-al-arqam-melalui-syarikat-rufaqa-corporation-sdn-bh>

²⁶ Encik Oslan Affandi Bin Abdullah (Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pengurusan Fatwa, Cawangan Pembangunan Hukum Dan Majlis Fatwa, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), dalam temubual dengan penulis 28 November 2014.

²⁷ Sahibis Samahah Dr. Zulkifli Muhammad al-Bakri (Mufti Wilayah persekutuan) dalam temubual dengan penulis 26 November 2014.

²⁸ *Ibid.*

²⁹ http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/assets/files/garis_panduan/a7e239efb5ffed79171b923ee948c010.pdf

sesuatu kes. Suatu usaha pernah digerakkan oleh Ahli-Ahli Dewan Parlimen yang beragama Islam suatu ketika dahulu sebagaimana diceritakan oleh Sahibus samahah Mufti Wilayah Persekutuan. Beliau menyebutkan bahawa “Dulu ada gabungan antara semua ahli parlimen walaupun dalam latar belakang pelbagai untuk menyokong untuk diaktakan.”³⁰

Fatwa negeri juga turut mendapat nasib yang sama apabila berdepan dengan mahkamah sivil di mana berlakunya pertembungan keputusan yang mengakibatkan fatwa negeri tidak valid untuk diamalkan di mahkamah. Dengan kata lain, fatwa rasmi boleh dicabar atau dibatalkan di mahkamah. Sebagai contoh, kes transfer gender yang berlaku di Negeri Sembilan di mana mahkamah rayuan membatalkan fatwa negeri tersebut yang menfatwakan haram menukar jantina dan berpakaian menyerupai jenis lain dengan alasan kebebasan hak asasi manusia yang diperuntukkan dalam undang-undang persekutuan.

Penyelarasan fatwa di peringkat negeri dan kebangsaan juga turut diusahakan dalam kes-kes yang bersifat global. Adapun kes-kes yang bersifat setempat adalah sepenuhnya di bawah tanggungjawab negeri tanpa perlu merujuk kepada fatwa peringkat kebangsaan.

Walau bagaimanapun mengikut kajian yang dilakukan oleh pihak JAKIM, 86 peratus daripada responden lebih senang dengan fatwa kebangsaan berbanding negeri yang berautoriti. Bercerita mengenai hal ini, Pengerusi JFK menyebut bahawa “Jadi dengan itu orang ramai kita buat satu kajian, dia lebih suka mendengar pandangan hukum daripada kebangsaan. Dalam kajian kita ada lapan puluh enam peratus dia lebih percaya atau lebih senang dengan keputusan, pandangan fatwa kebangsaan dan dia mengatakan pandangan fatwa kebangsaan ini adalah sangat relevan dan semasa.”³¹

Walau bagaimanapun, autoriti keputusan muzakarah sebagai suatu pendapat rasmi kerajaan dalam masalah yang timbul dan terpakai dalam negara ini adalah masih wujud sebagaimana kata Ketua Pengarah JAKIM bahawa “Sesungguhnya pandangan hukum/fatwa yang diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI ini dianggap berautoriti memandangkan setiap keputusan telah dipersetujui secara kolektif oleh semua Mufti yang menganggotai jawatankuasa ini.”³²

KESIMPULAN

Daripada kajian ini dapatlah disimpulkan bahawa kombinasi kuasa dengan ilmu itu sangat penting dalam menjayakan agenda besar untuk kepentingan umum kaum muslimin. Kalaulah tidak dengan sebab kuasa yang ada di tangan umara iaitu Raja-Raja Melayu dan para ulama nescaya merealisasikan usaha pemusatan fatwa di peringkat kebangsaan adalah kekal sebagai cita-cita. Oleh sebab itu, menjadi tanggungjawab kepada wagra negara khususnya muslimin untuk memelihara kedua-dua entiti yang penting ini supaya terus menjadi tunjang kepada kaum muslimin di negara ini.

Kaifiat pengeluaran hukum pula perlu digarispendukan dengan lebih terperinci selain daripada garis panduan yang telah dikeluarkan pada tahun 2017 oleh JAKIM. Ia melibatkan beberapa elemen yang tidak kurang pentingnya iaitu kaifiat pendalilan berasaskan al-Quran dan al-Hadith supaya masalah Islam semasa yang difatwakan benar-benar menepati al-Quran dan sunnah Rasul SAW.

³⁰ *Ibid.*

³¹ Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Bin Haji Husin (Pengerusi Lembaga Pengarah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) merangkap Pengerusi JFK) dalam temubual dengan penulis, 23 Januari 2015.

³² Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*, (Selangor: Black & Brown Associates, 2014), i.

BIBLIOGRAFI

- Dato' Haji Mustafa bin Abdul Rahman, "Manhaj Fatwa Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan", (Prosiding Seminar Manhaj Pengeluaran Fatwa Peringkat Kebangsaan Anjuran Institute Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) Dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAWIP), 5&6 Disember 2006).
- Dr. Farid Sharhan, (Felo Fatwa Jakim) dalam temubual dengan penulis, 18 Disember 2014.
- Encik Oslan Affandi Bin Abdullah (Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pengurusan Fatwa, Cawangan Pembangunan Hukum Dan Majlis Fatwa, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), dalam temubual dengan penulis, 28 November 2014.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*, (Selangor: Black & Brown Associates, 2014).
- Jabatan Perdana Menteri, *Buku Tahunan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia*, (Kuala Lumpur. Jabatan Percetakan Negara, 1971 M).
- Laman sesawang e-Fatwa Portal Rasmi Fatwa Malaysia, "Bahagian Pengurusan Fatwa", dikemaskini 25 Februari 2016, dicapai 20 Oktober 2015, <http://www.e-fatwa.gov.my/bahagian-pengurusan-fatwa>.
- Laman sesawang e-fatwa Portal Rasmi Fatwa Malaysia, "Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia", dikemaskini 29 Februari 2016, dicapai 2 Disember 2015, <http://www.e-fatwa.gov.my/jawatankuasa-fatwa-majlis-kebangsaan-bagi-hal-ehwal-ugama-islam-malaysia>.
- Laman sesawang e-fatwa Portal Rasmi Fatwa Malaysia, "Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia", dikemaskini 29 Februari 2016, dicapai <http://www.e-fatwa.gov.my/jawatankuasa-fatwa-majlis-kebangsaan-bagi-hal-ehwal-ugama-islam-malaysia>.
- Laman sesawang e-fatwa Portal Rasmi Fatwa Malaysia, "Panel Kajian Syariah", dikemaskini 5 Mac 2015, dicapai 23 Disember 2014, <http://www.e-fatwa.gov.my>.
- Laman sesawang e-fatwa Portal Rasmi Fatwa Malaysia, "Usaha-usaha Menghidupkan Semula al-Arqam Melalui Syarikat Rufaqa Corporation Sdn Bhd", dikemaskini 29 Februari 2016, dicapai pada 23 Disember 2015, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/usaha-usaha-menghidupkan-semula-al-arqam-melalui-syarikat-rufaqa-corporation-sdn-bhd>.
- Laman sesawang e-fatwa Portal Rasmi Fatwa Malaysia, dikemaskini 29 Februari 2016, dicapai pada 23 Disember 2015, <http://www.e-fatwa.gov.my>.
- Peraturan Majlis Kebangsaan 134 Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, *Ibid*. Peraturan I 3.

Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (1980M), Peraturan 7.

Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (1980M), Peraturan II (a)

Perlembagaan Persekutuan (1088M), Jadual Kesembilaan senarai 2 Kuala Lumpur.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Bin Haji Husin (Pengerusi Lembaga Pengarah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) merangkap Pengerusi JFK) dalam temubual dengan penulis, 23 Januari 2015.

Sahibis Samahah Dr. Zulkifli Muhammad al-Bakri (Mufti Wilayah persekutuan) dalam temubual dengan penulis 26 November 2014.

Garis Panduan Pengeluaran Fatwa Di Malaysia, dicapai pada 21/11/2019, http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/assets/files/garis_panduan/a7e239efb5ffed79171b923ee948c010.pdf